

18 JUN 1999

Umno-Bahas (Bapa)

DR MAHATHIR DIGELAR BAPA KEMERDEKAAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Umno Melaka hari ini mencadangkan supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diberi gelaran "Bapa Kemerdekaan Ekonomi Negara" kerana kebijaksanaannya membangunkan ekonomi negara dan menolak bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) ketika menangani krisis kewangan.

Wakilnya Nawawi Ahmad berkata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno itu wajar diberi penghargaan memandangkan rakyat di negara jiran Thailand yang tidak seagama, sebangsa dan senegara dengan Dr Mahathir pun sanggup meluahkan perasaan sayang mereka kepada beliau kerana mampu mempertahankan kedaulatan Malaysia dengan menolak bantuan IMF.

Mereka meluahkan perasaan itu kepada Dr Mahathir kerana bantuan kewangan IMF yang diterima Thailand telah mencengkam kehidupan mereka, katanya ketika menyokong usul ucapan dasar presiden parti pada Perhimpunan Agung Umno ke 53.

"Adakah patut kita sekalian dalam dewan (Merdeka) bersikap sebaliknya dan tidakkah sewajarnya kita memberi sokongan kepada Presiden Umno Malaysia?"

"Oleh itu Umno Melaka mahu memberi gelaran kepada Datuk Seri Dr Mahathir sebagai Bapa Kemerdekaan Ekonomi Negara," katanya disambut dengan tepukan kuat anggota perwakilan.

Nawawi juga menggariskan enam cara untuk dijadikan tindakan positif oleh anggota parti bagi terus memperkuat Umno terutamanya dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Langkah-langkah itu ialah:

- + merapatkan hubungan sesama sendiri dan melupakan sebarang sengketa lalu,
- + mengurangkan amalan kritikan negatif sesama anggota di peringkat cawangan, bahagian dan negeri,
- + menghayati budaya demokrasi terutamanya pertandingan merebut sebarang jawatan serta sanggup menerima keputusan tanpa menimbulkan permusuhan,
- + memberi keutamaan kepada parti lebih daripada kepentingan diri

sendiri atau kelompok atau negeri,
+ menjadikan perjuangan parti sebagai perjuangan diri sendiri
dan
bertindak segera terhadap sesuatu kemungkaran, dan
+ sentiasa berfikiran positif terhadap segala pergerakan parti
untuk
pupuk ketahanan negara dan bangsa.

--BERNAMA

ARA MAI